

Warta **102** Konvo

Edisi 6 September 2025

**PENGIKTIRAFAN BERTERUSAN
BUKTI KECEMERLANGAN UiTM**

**PENINGKATAN KUALITI TUMPUAN
UiTM PAHANG**

**"SKROL INI TANDA KENANGAN
KAMI SEKELUARGA"**



Universiti Teknologi MARA (UiTM) sekali lagi berjaya membuktikan reputasinya sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang mampu melahirkan graduan berkualiti apabila tersenarai antara Universiti Pilihan Majikan 2025 oleh Talentbank.

Pengiktirafan ini membuktikan bahawa graduan UiTM diyakini memiliki kompetensi yang tinggi serta diterima baik dalam pasaran kerja.

Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin, dalam ucapannya menyifatkan pencapaian tersebut adalah bukti kejayaan, hasil usaha pihak UiTM dalam membina kolaborasi strategik bersama industri dan dunia global, sekali gus memperkukuhkan kebolehpasaran graduan.

“UiTM bertekad untuk terus melahirkan graduan yang kompeten dan berdaya saing di peringkat global. Sehubungan itu, universiti telah melaksanakan pelbagai langkah strategik, termasuk penstrukturan tadbir urus serta pelbagai inisiatif globalisasi, bagi membuka ruang kepada pelajar menimba pengalaman di pentas antarabangsa”, ujar beliau dalam ucapannya semasa Istiadat Konvokesyen UiTM ke-102.

Tambah beliau lagi, UiTM bukan sahaja mendapat pengiktirafan di peringkat nasional, malah turut berkembang di peringkat antarabangsa.

Kolaborasi bersama Portland State Chamber Choir dari Amerika Syarikat dan King’s College London di United Kingdom telah memberi inspirasi, sekali gus memperkayakan prospek kerjaya muzik pelajar UiTM.

Pelajar seni reka, muzik, dan animasi juga terus mengharumkan nama universiti. Antaranya, kejayaan pelajar Fakulti Seni Lukis & Seni Reka menempatkan diri dalam Top 30 CCC’s Adobe Certified Professional Malaysia National Championship 2025, serta penglibatan dalam persidangan antarabangsa Malaysia–Japan 2025.

Tidak ketinggalan, pelajar Fakulti Filem, Teater dan Animasi yang turut memulakan langkah di Animation Kingdom International Showcase.

Di samping itu, UiTM turut menjalin kerjasama dengan pelbagai syarikat terkemuka termasuk TV3, Perodua, KRU Entertainment, Golden Screen Cinemas, Fujifilm, dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS). Ia adalah sebagai salah satu usaha dalam membuka ruang kepada para pelajar untuk merasai pengalaman industri secara langsung dalam produksi berprestij.

Pengiktirafan sebagai Universiti Pilihan majikan 2025 adalah buah hasil daripada strategi-strategi kolaborasi strategik yang baik bersama pelbagai syarikat dalam dan luar negara. Ia turut menjadi tanda keyakinan industri terhadap graduan keluaran UiTM sekaligus mendorong para graduan untuk melangkah ke industri dengan lebih yakin.

PENGIKTIRAFAN BERTERUSAN BUKTI KECEMERLANGAN UiTM





**SIDANG REDAKSI
JAWATANKUASA WARTA KONVO 102**

*Hak cipta terpelihara. Diterbitkan oleh
Pejabat Komunikasi Strategik UiTM
Dan Fakulti Komunikasi Dan Pengajian
Media UiTM*

Penasihat
Prof. Dr Ismie Roha Mohamed Jais,
Penolong Naib Canselor Komunikasi Strategik

Penasihat Editorial
En Abuzar Abdul Halim,
Ketua unit Perhubungan Awam dan Media

Ketua Editor
En Ahmad Faisal Mohamed Fiah,
Timbalan Dekan (HEP) Fakulti Komunikasi
dan Pengajian Media

Ketua Wartawan
Zaidatul Insyirah binti Suhaini

Wartawan
Aidil Adha bin Abdullah
Amni Harith bin Badrul Hisyam

Pereka Grafik
Muhammad Sahil bin Sulaiman
Ezureen Natasya binti Kahar Jaafar

Fotografi
Pejabat Komunikasi Strategik

Unit Perhubungan Awam dan Media
Pejabat Komunikasi Strategik